

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HMP 402 Aspek-Aspek Teori Linguistik Am Dan Penerapannya

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab DUA [2] soalan dari **Bahagian A**, SATU [1] soalan dari **Bahagian B**, dan DUA [2] soalan dari **Bahagian C**.

SEMUA soalan menggunakan Bahasa Malaysia baku sebagai titik rujukan.

BAHAGIAN A

1. Bincangkan data di bawah dari pandangan anomali dan analogi. Perhatikan bentuk yang mungkin terhasil jika kata pinjaman, dan kata *ternak* itu mengikut rumus pembentukan kata Bahasa Malaysia biasa, tanpa mempunyai sebarang pengecualian.

[20 markah]

sintesis	-	pensintesis
dapat	-	pendapat
tafsir	-	pentafsir
curi	-	pencuri
tauliah	-	pentauliah
stabil	-	penstabil
jodoh	-	penjodoh
syarah	-	pensyarah
ternak	-	penternak
ziarah	-	penziarah
swasta	-	penswasta
datang	-	pendatang
tadbir	-	pentadbir
cukur	-	pencukur
jaja	-	penjaja
terjemah	-	penterjemah

2. Bincangkan perbezaan dan persamaan penggolongan kata Priscian dengan *Tatabahasa Dewan*.

[20 markah]

3. Menggunakan data yang diberikan di bawah, tunjukkan tataraca linguistik deskriptif untuk menjelaskan fenomena dalam bahasa.

[20 markah]

Wajah Nekcai tiba-tiba berubah. Nekcai sangat muda, sangat cantik. Nekcai berpakaian baju Melayu, kebaya, labuh dengan sanggul cucur keria bulat montel. Ketika pekikan merdeka itu, Tukcai lihat Nekcai menggenggam tangan dan menjulang tinggi.

(Azizi Haji Abdullah, *Tukcai*, 1991: 36)

BAHAGIAN B

4. Bincangkan perkembangan ilmu linguistik dari zaman Yunani hingga ke zaman Romawi dan sumbangan sarjana dari zaman Yunani dan Romawi terhadap perkembangan linguistik di Malaysia.

[20 markah]

5. Bincangkan pengaruh Arab, khususnya aliran Basrah, terhadap pemantapan kajian bahasa di Malaysia.

[20 markah]

BAHAGIAN C

6. Sarjana linguistik berusaha memperkembangkan pengetahuan tentang bahasa berdasarkan pemerhatian saintifik. Dengan memilih 4 tokoh di bawah, huraikan bagaimana usaha mereka dapat kita anggap sebagai saintifik.

- [a] Ferdinand de Saussure
- [b] Leonard Bloomfield
- [c] Franz Boas
- [d] Edward Sapir
- [e] Zellig Harris
- [f] Noam Chomsky

[20 markah]

7. Menggunakan contoh yang sesuai dari Bahasa Malaysia, terangkan bagaimana Mazhab Struktural Amerika, Mazhab Praha (Prague), dan Nahu Transformasi Generatif membincangkan konsep ayat. Tumpukan pada perbezaan pandangan yang digunakan oleh setiap mazhab.

[20 markah]

8. Bincangkan pendekatan Tagmemik, Firthian, dan Stratifikasi dalam mendeskripsikan bahasa.

[20 markah]